



MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK)


OLEH :

BAHAGIAN SARAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM





LATAR BELAKANG MBK





MAKLUMAT UMUM MBK

1

MBK

Satu (1) badan bagi mewujudkan hubungan melalui perbincangan di antara pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam merangkumi:

- a) MBK Pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P)
- b) MBK Pekerja Sains dan Teknologi (MBK S&T)
- c) MBK Pekerja Am (MBK Am)

2

Bilangan mesyuarat MBK

Sekurang-kurangnya sekali setahun

3

Jawatankuasa Kerja MBK

Bertujuan memilih kertas kerja untuk dibawa ke mesyuarat MBK.

4

Konvensyen Dwi-Tahunan Pihak Pekerja

Pemilihan Pihak Pekerja oleh wakil-wakil kesatuan dan persatuan yang bergabung dengan MBK berkenaan

5

Korum Mesyuarat MBK

5 orang Ahli Tetap Pihak Pegawai & 10/15 orang Pihak Pekerja mengikut MBK



FUNGSI & STRUKTUR MBK

Fungsi MBK: Satu (1) badan bagi mewujudkan hubungan melalui perbincangan di antara pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam dengan Kerajaan merangkumi:

1

**Majlis Bersama Kebangsaan
Bagi Pekerja-Pekerja
Pengurusan & Profesional
(MBK P&P)**

Semua skim perkhidmatan bagi kumpulan
Pengurusan dan Profesional

2

**Majlis Bersama Kebangsaan
Bagi Pekerja-Pekerja Sains &
Teknologi Dalam Kumpulan
Pelaksana (MBK S&T)**

- a) Pengangkutan(A);
- b) Sains(C);
- c) Teknologi Maklumat(F);
- d) Kejuruteraan(J);
- e) Penyelidikan & Pembangunan(Q);
- f) Kemahiran (H);
- g) Perubatan & Kesihatan(U)

3

**Majlis Bersama Kebangsaan
Bagi Pekerja-Pekerja Am
Dalam Kumpulan Pelaksana
(MBK Am)**

- a) Bakat dan Seni(B);
- b) Pendidikan(D);
- c) Ekonomi(E);
- d) Pertanian(G);
- e) Sosial(S);
- f) Keselamatan & Pertahanan Awam(K);
- g) Perundangan & Kehakiman (L);
- h) Pentadbiran & Sokongan(N);
- i) Kewangan(W)

BIDANG KUASA MBK



- 1) Memberi pendapat dan membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam. Perbincangan hendaklah menyentuh perkara-perkara am dan tidak perkara-perkara yang melibatkan pekerja individu;
- 2) Membolehkan Pihak Pekerja mengemukakan sebarang cadangan perubahan untuk mendapat ulasan dan pandangan Pihak Pegawai bagi pertimbangan Kerajaan; dan
- 3) Memberi cadangan mengenai inisiatif inovasi dan produktiviti dalam meningkatkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.

KEAHLIAN MBK



**Pengerusi:
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

Keahlian		MBK P&P	MBK S&T	MBK Am	Kaedah Pelantikan
Pihak Pegawai	Ahli Tetap	10 orang			Dilantik oleh YAB Perdana Menteri atas jawatan masing-masing
	Ahli Tidak Tetap	Tidak Terhad			Dijemput berdasarkan keperluan
Pihak Pekerja		20 orang	30 orang	30 orang	Dipilih melalui Konvesyen Dwi-Tahunan MBK oleh wakil-wakil kesatuan/persatuan yang bergabung di bawah MBK yang berkenaan

AHLI TETAP PIHAK PEGAWAI MBK



1.	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam	Pengerusi
2.	Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Awam	Ahli
3.	Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia	Ahli
4.	Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia	Ahli
5.	Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan	Ahli
6.	Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Ahli
7.	Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan	Ahli
8.	Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya	Ahli
9.	Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan	Ahli
10.	Ketua Bahagian/Unit yang menguruskan hubungan majikan-pekerja Perkhidmatan Awam	Setiausaha Pihak Pegawai



KEMUDAHAN PIHAK PEKERJA MBK

1

Tugas Rasmi

Kehadiran ke Mesyuarat MBK dan mesyuarat berkaitan MBK diiktiraf sebagai menjalankan tugas rasmi serta layak dibayar elaun-elaun kerana bertugas rasmi berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2

Cuti Tanpa Rekod

Kehadiran ke Konvensyen dwi-tahunan dua (2) tahun sekali bagi pemilihan Pihak Pekerja MBK.

3

Pejabat MBK Pihak Pekerja

Memudahkan Pihak Pekerja melaksanakan urusan berkaitan MBK masing-masing.

4

Pelepasan Khas Hari Bekerja

Diberi kepada Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja sebanyak satu (1) sebulan bagi tujuan melaksanakan urusan berkaitan MBK tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

5

Geran Tahunan MBK

Diperluaskan kepada pelaksanaan program/ bengkel/seminar Pihak Pekerja berkaitan MBK.

CARTA ALIR PELAKSANAAN MESYUARAT MBK



Mendapatkan persetujuan
Pengerusi bagi pelaksanaan
Mesyuarat MBK

Mendapatkan cadangan kertas kerja baharu
daripada Setiausaha Pihak Pekerja dan
maklum balas perkara berbangkit

Memilih kertas kerja untuk dibawa ke MBK
melalui JKK-MBK

Jemputan Mesyuarat MBK

Mesyuarat *Pre-Council* MBK

Mesyuarat MBK

Pindaan

Tidak Setuju

Penyediaan Minit Mesyuarat MBK

Edaran Minit Mesyuarat MBK

Tolak

Dibenteng semula dalam
mesyuarat seterusnya

Perlukan penambahbaikan

Tidak Dipertimbangkan

Tamat



SEKIAN, TERIMA KASIH
